

Janji mahu hapuskan amalan rasuah

BH 11 FEB 1994

Manifesto PBS ganjil

Oleh Zairee Zahir dan Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Khamis — Parti Bersatu Sabah (PBS) perlu terlebih dahulu menyingkir pemimpinnya yang terbabit dalam kegiatan rasuah, sebelum mengemukakan manifesto untuk menghapuskan amalan rasuah.

Berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan manifesto PBS, antara lain menyebut hendak menghapuskan amalan rasuah, sebagai sesuatu yang ganjil.

"Sebelum PBS mahu menghapuskan rasuah, parti yang mempunyai pemimpin yang rasuah itu perlu menghapuskan pemimpinnya terlebih dahulu," katanya.

Beliau berkata, manifesto PBS dalam menghadapi pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah kali ini adalah sinis dan sukar dipercayai.

"Inilah keganjilan dalam PBS iaitu sementara pemimpinnya didapati bersalah kerana rasuah, dia masih terus hendak bertanding, hendak jadi wakil rakyat dan bercakap pula hendak menghapuskan rasuah," katanya.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir berkata setiap cakap pemimpin PBS seperti dalam manifestonya, tidak boleh dipegang.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), berkata demikian ketika diminta mengulas salah satu janji PBS dalam manifestonya selepas mengunjungi rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina di kediaman Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, di sini, hari ini.

Turut mengunjungi rumah terbuka itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar, Menteri Belia dan Sukan, Abdul Ghani Othman dan Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Omar.

Selasa lalu, PBS melancarkan manifestonya setebal 52 halaman yang dicetak dalam bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Kadazan di Kota Kinabalu.

Selain menghapuskan amalan rasuah, manifesto PBS itu turut menyentuh soal royalti minyak, penubuhan universiti dan stesen televisyen sendiri.

Di KOTA KINABALU, Pengerusi BN Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai berkata, angin perubahan bertiup kencang di kalangan semesta kaum di Sabah yang menginsafi perlunya sebuah kerajaan baru dibentuk untuk memulihkan kegemilangan negeri itu.

Menurutnya, rakyat Sabah sudah bosan dengan keadaan serta cara pemerintahan PBS selama sembilan tahun lalu.

Katanya, tindakan pemimpin Cina dalam PBS meninggalkan parti itu dan membentuk parti politik baru sebenarnya bukti kegagalan pimpinan PBS membela nasib mereka, terutama dari segi ekonomi.

Ditanya apakah Kementerian Hal-Ehwal Sabah perlu dikekalkan selepas kerajaan Sabah Baru dibentuk di negeri ini, Sakaran berkata, perkara itu tereserah kepada Dr Mahathir menentukannya.

Menurutnya, Perdana Menteri tentu lebih maklum mengenai keperluan kementerian berkenaan.